

Banjir kali kedua tambah sengsara

Penduduk hadapi musibah dalam tempoh 2 minggu

**TUAN NUR SUHAILA
RAJA MUHAMMAD**

HULULANGAT—Beberapa kawasan di Hulu Langat ditenggelami air kelmarin, selepas lebih seminggu kejadian banjir buruk yang menjejaskan lebih 3,000 penduduk di sekitar kawasan tersebut sebelum ini.

Seorang mangsa, Mohd Zaidy Zainudin, 32, berkata, berikutan hujan lebat bermula 2 petang kelmarin berlarutan lebih dua jam menyebabkan beberapa kawasan di Kampung Sungai Serai dan Taman Seri Nanding ditenggelami air sehingga 0.6 meter.

Menurutnya, banjir kali ini tidak seburuk sebelum ini dan hanya sesetengah kawasan rendah sahaja terjejas termasuk kediamannya di Lorong Serai 8 dan Lorong Serai 5 dan 6.

"Hujan lebih dua jam dan air Sungai Betong melimpah menyebabkan rata-rata kediaman di lorong ini yang



Belum habis mengemas pakaian terkena lumpur banjir minggu lalu, keluarga Dashima terpaksa mengemas semula pakaian dan pinggan mangkuk berikutan kediaman mereka dilanda banjir kali kedua, kelmarin.

jaraknya kurang 200 meter dari Sungai Betong menghadapi banjir kali kedua.

"Kami mohon agar pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat buat sesuatu bagi mengelakkan kejadian banjir ini berulang dan kami tidak mahu lagi kediaman terus ditenggelami banjir setiap kali

hujan lebat," katanya.

Seorang lagi mangsa, Dashima Mohd Rashid, 70, berkata, dia yang mula tinggal di kediamannya di Lorong Serai 8, Kampung Sungai Serai sejak 2004 mengakui kerap kali berlaku banjir di kawasan tempat tinggalnya namun kejadian terbaru ini tidak seburuk

seperti banjir minggu lalu.

"Semalam sekali lagi rumah kami banjir malah kami belum habis mengemas rumah lagi berikutan banjir minggu lalu.

"Namun air yang memasuki rumah semalam (kelmarin) surut cepat dalam tempoh lebih sejam," katanya,